

25 APR 1998

Kongres-Mahathir

RESOLUSI KONGRES AMERIKA TERHADAP DR MAHATHIR MUNGKIN TERKUBUR

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 25 April (Bernama)-- Satu resolusi yang dicadangkan oleh anggota kongres Amerika Syarikat bagi mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf berhubung satu kenyataan Perdana Menteri yang kononnya anti-Yahudi, mungkin terkubur sebelum dibentangkan di Dewan Perwakilan.

Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kongres mengenai Asia dan Pasifik, Doug Bereuter, berkata di sini semalam bahawa setakat ini tidak ada sebarang tindakan diambil berhubung resolusi itu.

"Walaupun terdapat kebimbangan yang mendalam mengenainya, tetapi untuk kebaikan kita, lebih baiklah jika resolusi itu tidak dibahas di Dewan, dan saya rasa ia tidak akan berlaku," kata beliau kepada pemberita dan peserta Washington Roundtable for Asia Pacific Press (WRAPP).

"Malangnya, 80 peratus daripada tugas saya ialah menghalang perundangan yang tidak baik. Perundangan (resolusi) berkenaan bukannya tidak baik tetapi saya rasa ia tidak wajar," kata Bereuter, anggota Republican dari Nebraska.

Resolusi yang diperkenalkan enam bulan lepas oleh Robert Wexler, anggota Kongres yang baru daripada parti Democrat, ditaja bersama atau disokong oleh 27 lagi anggota Dewan. Resolusi itu tidak mendapat sokongan Dewan Senat.

Selain mendesak Dr Mahathir memohon maaf, dan jika enggan, resolusi itu mencadangkan beliau meletak jawatan.

Bereuter menyifatkan hubungan Amerika-Malaysia sebagai "penting dan secara amnya positif (walaupun) ada kalanya kita bersengketa dengan perdana menteri itu. Beliau seorang yang lantang bersuara."

Katanya beliau telah berbincang panjang lebar isu itu dengan pegawai-pegawai kedutaan Malaysia termasuk Dutanya, Datuk Dali Mahmud Hashim, yang menjelaskan bahawa kenyataan Dr Mahathir "disalah tafsir dan disalah erti."

Pada 7 April, Wexler menghantar sepucuk surat kepada Dali melahirkan rasa kecewanya kerana Dr Mahathir "enggan memohon maaf berhubung kenyataannya yang mendatangkan keburukan itu, malah tidak mengakui kenyataannya itu tidak wajar, yang menunjukkan bahawa beliau tidak menafikan kelakuan yang bahaya dan anti-Semitik itu."

Wexler seterusnya berharap Malaysia menimbang untuk memulihkan hubungan dengan Israel sebagai tanda muhibah dan sebagai bukti kepada Kongres Amerika dan masyarakat Yahudi bahawa kerajaan Malaysia ikhlas untuk mengukuhkan hubungan dengan masyarakat Yahudi.

Kedutaan Malaysia dan Wisma Putra tidak menjawab surat Wexler itu.

Bagaimanapun, 15 anggota lima badan mewakili masyarakat Yahudi Amerika Syarikat dijadual menemui Dali di sini Khamis ini untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kurangnya tindak balas daripada Perdana Menteri.

Pada Februari lepas Kongres Yahudi Sedunia telahpun menerima hakikat bahawa Dr Mahathir bukan anti-Semitik dan menganggap isu itu selesai.

Sementara itu, Kongres baru-baru ini meluluskan US\$700,000 kepada Malaysia untuk membiayai latihan ketenteraan bagi tahun 1998, tambahan US\$600,000 dari tahun lepas.

Bereuter berkata beliau gembira kerana kenaikan itu satu petanda positif dalam hubungan Amerika-Malaysia.

-- BERNAMA

SAL MAI